

U B628 AAB
MAHATHIR - ISA R R R

KOTA BAHARU, 1 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) AMAT BERGUNA SEKALI DALAM SESEBUAH NEGARA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA.

BELIAU BERKATA ISA DIGUNAKAN TIDAK SEMATA-MATA DISEBABKAN ANCAMAN DARIPADA KOMUNIS, TETAPI JUGA JIKA ADA RUSUHAN KAUM YANG MEMBAWA ANCAMAN KEPADA NEGARA.

SEBAGAI CONTOH, KERAJAAN TERPAKSA MENGGUNAKAN ISA APABILA BERLAKUNYA KETEGANGAN KAUM PADA TAHUN 1987, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA, PENGKALAN CHEPA, SELELUM BERLEPAS KE PULAU PINANG.

KATANYA, KETEGANGAN YANG BERLAKU KETIKA ITU TIDAK ADA KAITAN RAPAT DENGAN KOMUNIS DAN LEBIH MERUPAKAN MASALAH PERKAUMAN DAN AGAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA: +APABILA KITA AMBIL TINDAKAN ISA KETIKA ITU, KEADAAN REDA SERTA-MERTA, WALAUPUN SEKARANG ORANG RAMAI SUDAH LUPA MENGENAI KEJADIAN ITU.+ -- LAGI
1123MST 01 12 89

U B629 AAB
MAHATHIR - ISA 2 KOTA BAHARU R R R

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MEMETIK TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, SEBAGAI BERKATA KERAJAAN MUNGKIN BOLEH MENARIK BALIK ISA JIKA ADA JAMINAN TIDAK AKAN TIMBUL LAGI MASALAH PERKAUMAN DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUAT MASA INI KERAJAAN BELUM LAGI MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA ITU.

BELIAU BERKATA APABILA BERLAKUNYA PERISTIWA PADA 1987 DENGAN BERKEBETULAN ADA SEORANG ANGGOTA TENTERA YANG MENGHADAPI MASALAH JIWA MELAKUKAN TEMBAKAN YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN PERKAUMAN DAN KEADAAN DI KUALA LUMPUR MENJADI LENGANG.

KATANYA: +ADA IBU BAPA YANG TIDAK SANGGUP HANTAR ANAK KE SEKOLAH, 20,000 ORANG RAKYAT TINGGALKAN KUALA LUMPUR DAN ADA YANG TINGGALKAN NEGARA KERANA TAKUT PERITITWA RUSUHAN KAUM SEPERTI 1969 AKAN BERLAKU.+

BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN, APABILA KEJADIAN ITU BERLAKU KERAJAAN TERPKASA GUNAKAN ISA UNTUK MENGASINGKAN MEREKA YANG MENGANCAM KETENTERAMAN DAN APABILA KESEMUA MEREKA YANG DITAHAN ITU SEDAR, KERAJAAN MEMBEBAHKAN SEMULA MEREKA. -- LAGI
1127MST 01 12 89

D939

U B633 AAB
MAHATHIR - ISA 3 KOTA BAHARU R R R

APABILA DITANYA MENGENAI KENYATAAN TIMBALAN PRESIDEN MCA, ENCIK LEE KIM SAI, YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN KENYATAANNYA (PERDANA MENTERI) BAHAWA TINDAKAN PENYERAHAN SURAT LETAK JAWATAN BERSYARATA OLEH LAPAN ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARIPADA MCA MERUPAKAN SATU UGUTAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA JUGA TIDAK BERSETUJU DENGAN TINDAKAN MEREKA.+

+DALAM BARISAN NASIONAL (BN) KITA SELESAIKAN MASALAH MELALUI RUNDINGAN DAN BERATUS-RATUS PERKARA TELAH KITA SELESAIKAN DAN INI TERMASUKLAH MASALAH KOPERASI MENGAMBIL DEPOSIT, MULTI-PURPOSE, SOAL PELAJARAN, BAHASA, GURU-GURU SEKOLAH CINA DAN BERMACAM-MACAM LAGI.+

+APA SEBABNYA LAPAN ORANG INI BERI KATA DUA (ULTIMATUM)...TAK BUAT INI KAMI AKAN LETAK JAWATAN. INI MERUPAKAN SATU TEKANAN DAN UGUTAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT BOLEH TAFSIR APAKAH YANG BELIAU KATAKAN ITU BENAR ATAU TIDAK.

MENGENAI KEMUNGKINAN MCA AKAN KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL BERKAITAN DENGAN PERKARA ITU, BELIAU BERKATA: +SAYA TAK MAHU CAKAP MACAM ITU DAN SAYA HARAP JANGANLAH ADA NIAT SEMACAM ITU+. -- LAGI
1146MST 01 12 89

D941

U B634 AAB
MAHATHIR - ISA 4 KOTA BAHARU R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PERSEDIAAN MENGHAPI BANJIR DI KELANTAN SEMALAM, BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PELBAGAI PERSIAPAN YANG DIBUAT.

KATAYA, SEMUA PENDUDUK PERLU MEMBERSIHKAN SUNGAI-SUNGAI SUPAYA PENGALIRANNYA TIDAK TERSEKAT HINGGA MENYEBABKAN AIR MELIMPAH.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN \$26 JUTA UNTUK MEMBANTU MANGSA BANJIR DI NEGERI INI PADA TAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA PARA PENIAGA YANG TERPKASA MENUTUP GERAI-GERAI KECIL PADA MUSIM BANJIR BERNIAGA DI ATAS PERAHU-PERAHU KECIL.

KATANYA, PERAHU-PERAHU KECIL INI DITEMPATKAN SECARA SEDERET DAN IA DIHIASKAN CANTIK-CANTIK.

BELIAU BERKATA INI MUNGKIN BOLEH JADIKAN ACARA ISTIMEWA PADA MUSIM BANJIR SEBAGAI MENYOKONG KENYATAAN MENTERI BESAR, TAN SRI MOHAMED YAACOB, BARU-BARU INI YANG INGIN MENJADIKAN MUSIM BANJIR TAHUN INI SEBAGAI SATU PESTA AIR DI NEGERI INI. -- BERNAMA
1151MST 01 12 89